Jadi, kalau kita tengok gerakan kominis di-Indonesia dengan apa yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu supaya ranchangan kemajuan yang saperti ini jangan di-terima, dan kata-nya ranchangan ini sa-mata² menipu ra'ayat di-dalam pilehan raya yang telah lalu dan sa-patut-nya Yang Berhormat Menteri itu tidak berada di-sini, tetapi berada di-dalam jel dalam negara kita ini. Ini menunjukkan betapa dia tidak suka kapada pembangunan negara ini. Betapa dia benchi pembangunan negara, kerana dengan pembangunan yang ada di-sekeliling negara, ra'ayat negeri ini akan dapat memilih manakah di-antara parti² politik yang sa-benar-nya berjuang untok kema'moran ra'ayat dan mana pula parti politik yang berjuang kerana hendak memenohi kantong saku mereka sahaja dengan menekan kepala ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah kita hairan kalau Ahli Yang Berhormat dari Batu itu telah mengecham, atau menchabar Tambahan Perbelanjaan Pembangunan kita ini, tetapi juga

Ahli Yang Berhormat dari Besut dan Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Hilir telah mengikor kapada Ahli Yang Berhormat dari Batu. Pengikoran ini menunjukkan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Besut dan Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Hilir ini tidak mempunyai satu dasar di-dalam chara hendak membena masharakat ra'ayat dalam negeri ini. Saya katakan mengikor apa yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu yang di-sebutkan juga oleh Ahli² PAS yang lain. Dia menudoh bahawa nampak-nya kata Ahli Yang Berhormat dari Besut yang Kerajaan Perikatan ini tidak mempunyai ranchangan sama sa-kali, maka di-buat-nya-lah fatua² supaya kita mengikut fatua-nya itu. Saya rasa kalau kita hendak mendengar fatua² daripada Ahli Yang Berhormat dari Besut itu, kita ta' guna menggunakan, ta' ada faedah menggunakan fatua-nya itu, sebab dia sendiri tidak menggunakan fatua dia. Saya kata bagini, Tuan Yang di-Pertua: Dia kata Kerajaan Perikatan ini ta' mempunyai ranchangan sama sa-kali; ranchangan apa pun dia ta' buat—ta' ada ranchangan, keja buat begitu, keja buat bagini kata dia. Elok-lah Ahli Yang Berhormat itu menchari chermin besar dan mencherminkan diri-nya sendiri waktu Ahli Yang Berhormat itu menjadi "Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Trengganu", apa-kah yang telah di-buat-nya?

Tuan Yang di-Pertua, mengata orang memang sedap, tetapi mengata diri sakit sedikit. Jadi, kalau sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu sudi membacha perkara ini daripada satu Kepala ka-satu Kepala, jelas-lah bahawa ranchangan yang di-kemukakan itu, permintaan tambahan yang di-kemukakan itu bukan untok faedah Parti Perikatan, tetapi untok faedah ra'ayat yang telah memilih Perikatan ini menjadi pemerintah-nya, atau menjadi Kerajaan-nya. Kita sa-bagai sa-buah Kerajaan yang telah di-pilih oleh ra'ayat itu, kita mahu menunaikan janji² kita kapada ra'ayat. Kita terima wang daripada ra'ayat dan kita kutip wang daripada ra'ayat dan kita mahu mengembalikan wang itu kapada

ra'ayat mengikut kadar² dan tempat² yang mustahak, yang dahulu di-dahulukan dan yang kemudian di-kemudiankan.

Ada pun berkenaan dengan masaa-lah² yang lain yang di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Hilir yang menudoh bahawa Kerajaan Perikatan ini satu Kerajaan yang sama dengan Jepun, yang sama dengan Kerajaan Jepun dahulu. Kalau benar-lah Kerajaan Perikatan ini sa-rupa dengan Kerajaan Jepun, neschaya Ahli Yang Berhormat itu akan berisi ayer dalam perut-nya dan kemudian kena pijak perut-nya itu sampai bersembor balek. Itu kerja Kerajaan Jepun. Kerajaan Jepun, Tuan Yang di-Pertua, menyeksa orang bukan main². Dia bagi makan satu tin ayer minyak tanah, bagi makan pisang satu tandan, sa-sudah lepas itu di-letak-nya papan di-atas perut-nya itu kemudian di-pijak. Kalau sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Hilir itu hendak rasa chara bagaimana peme-rentahan Jepun itu di-buat oleh Kerajaan Perikatan ini, buat-lah salah sadikit. Chuba-lah bagaimana sedap ta' sedap-nya, tetapi kita sa-bagai sa-buah Kerajaan yang democracy, kita ta' hendak buat begitu dan rasa-nya kerana ta' di-angkat bendera oleh polis itu sampai kita di-katakan kita ini macham Kerajaan Jepun—tidak-lah adil, hendak-nya berlaku adil-lah sadikit; di-dalam perchakapan kita hendak-lah melakukan keadilan.

Kemarahan-nya kapada polis nampak jelas, jelas betul nampak-nya. Pada persidangan kita yang dahulu, kita dengar di-sini bagaimana tudohan sa-orang Ahli Yang Berhormat kapada Pasokan Polis yang di-sebut-kan-nya sa-orang Inspector yang bernama Nizam. Hari ini kita dengar lagi dia tekan lagi polis, sa-mata² dia marah kapada polis . . .

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Saya kata tadi bukan-lah polis, bahkan sa-tengah daripada pegawai² polis. Ada beza dan lain beza-nya. Terima kaseh.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Beza, atau ta' beza dia marah dengan mata²-lah. Polis—mata², dia

juga-lah rasa-nya. Polis chakap orang puteh, mata² chakap Melayu. Itu beza-nya. Satu bahasa orang puteh, dan satu lagi bahasa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, dia marah dengan mata², sebab mata² ini kerja-nya kata dia angkat bendera, lain ta' ada. Menangkap orang ta' boleh, kalau tangkap pun dia marah juga. Kerja polis menjaga keamanan, bila negeri itu ta' ada keamanan, oleh sebab ada banyak orang² jahat, polis jalankan kerja tangkap orang jahat itu, dia pun marah; marah juga dia kapada polis—kerja dia itu menangkap orang, kalau ta' perchaya chuba-lah lari dalam bandar Kuala Lumpur ini 60 batu satu jam, kalau ta' di-tangkap-nya. Dia ta' peduli Ahli Yang Berhormat dan ta' Ahli Yang Berhormat. Dalam Dewan ini sahaja kita selamat, keluar daripada sini, Tuhan sahaja yang tahu; jangan buat ta' tahu.

Tuan Yang di-Pertua, marah kapada polis, saya minta-lah Ahli² Yang Berhormat kawan² saya dari Kelantan, ia-itu Ahli² PAS biar-lah belajar berchakap benar sadikit, jangan buat chakap bohong; itu ta' elok—dosa chakap bohong itu. Tuan Yang di-Pertua, chakap bohong itu dosa. Dia kata dahulu, polis ini dia tudoh macham²; rumah orang itu kena kepong begitu bagini—yang sa-benar-nya bohong, Tuan Yang di-Pertua. Ahli Yang Berhormat kita itu, ia-itu daripada Kelantan Hilir ini, dia ini suka chakap bohong. Ini-lah yang kita minta supaya dia berchakap benar dalam Dewan ini. Kemudian kata dia, baharu² ini bagaimana Kerajaan Perikatan telah menggunakan polis hendak menekan ra'ayat supaya chalun Perikatan yang ber-tanding di-Bachok itu menang. Bachok itu, Tuan Yang di-Pertua, memang kawasan kalah Perikatan; kalah dalam saku, menang belum tahu. Sudah tetap orang PAS boleh menang di-situ, tetapi penangkapan yang di-lakukan oleh polis di-negeri Kelantan itu bukan-lah oleh kerana pilihan raya di-Bachok, tetapi oleh kerana hendak menjaga keamanan dalam negeri Kelantan itu. Alhamdulillah, Tuan Yang di-Pertua, pada masa²

yang akhir ini, kita jarang mendengar kekachauan² berlaku di-negeri Kelantan sa-telah penangkapan² itu dilakukan. Sa-patut-nya Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Hilir itu patut menguchapkan terima kaseh kepada polis yang telah menjalankan kerja-nya menolong dia supaya selamat, tetapi malang-nya dia marah kepada polis, tetapi ta' apa-lah, Tuan Yang di-Pertua, kalau dia terlalu marah sangat, dia boleh-lah berchakap apa yang dia hendak chakap, dan besok kena-lah pula menghadap kepada Mahkamah; itu terserah-lah kepada dia.

Tuan Yang di-Pertua, Perikatan kata-nya, telah menggunakan permainan yang kotor di-dalam Pilehan Raya di-Bachok, tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak cheritakan satu cherita, bukan 1,001 malam punya cherita, ini cherita sedap punya cherita. Bagaimana PAS telah menggunakan tektik kotor-nya hendak memenangi Pilehan Raya di-Bachok. Cherita-nya bagini, Tuan Yang di-Pertua, kempen-lah mereka itu dari rumah ka-rumah dan dari kampung ka-kampung berbisek². Apa yang di-bisek-nya? Dia kata, tuan² semua ini pangkah Bulan Bintang. Kalau tidak pangkah Bulan Bintang, kachau kita, masuk nuraka. Sekarang ini ada check-point di-pintu shurga itu, sudah ada tukang jaga-nya. Siapa tukang jaga-nya? Laki² nama-nya Zulkiflee Muhammad, yang perempuan nama-nya Asiah. Siapa yang hendak masuk shurga dia tanya pangkah Bulan Bintang atau Kapal Layar, kalau Bulan Bintang masuk, kalau Kapal Layar tidak boleh. Sampai macham ini kempen orang PAS, Tuan Yang di-Pertua. Bukan-kah kotor ini. Saya tidak dapat buat apa² perkara yang macham ini. Kotor sunggoh. Allah-yarham ustaz Zulkiflee tidak ada sangkut dalam Pilehan Raya, tetapi sampai macham ini orang PAS buat. Bukan kotor? Hendak menang, menang-lah, tetapi hendak ganti Ridhuan penjaga shurga dengan ustaz Zulkiflee itu lebeh besar kuasa-nya daripada kuasa Allah ta'ala. Ini-lah satu kekotoran yang berlaku. Kalau dia hendak cherita banyak berkenaan

dengan kekotoran ini, saya boleh cherita banyak sebab saya sa-bulan penoh dudok di-Bachok, saya tahu apa yang mereka buat . . .

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, may I ask what has the election in Bachok got to do with the supplementary development estimates that is before this House?

Tuan Haji Othman: Yang di-Pertua, ini dia hendak chakap apa?

Mr Speaker: You seek clarification or on a point of order?

Dr Tan Chee Khoon: On Standing Order 36 (1)—it is irrelevant. We are debating the supplementary development estimates; the Honourable Member for Hilir Perak is talking about the by-election in Bachok.

Mr Speaker: (*To Dr Tan Chee Khoon*) You seek clarification or on a point of order?

Dr Tan Chee Khoon: I am speaking on a point of order—S.O. 36 (1).

Mr Speaker: The Honourable Member is only replying to the allegation made by the P.M.I.P. just now.

Yes. Saya tidak hendak menyekat Yang Berhormat berchakap panjang, tetapi biar-lah pendek sadikit, dan tumpukan-lah kepada Anggaran Belanja (Tambahan) Pembangunan ini, sebab masa kita sudah pendek, dan banyak sangat hujah² yang berlawanan di-antara satu parti dengan satu parti bukan masalaah bahathan kita dalam perkara ini. Jadi saya harap dipendekkan sahaja bab itu. Berchakaplah kepada Anggaran Belanja (Tambahan) Pembangunan ini.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, yang sa-benarnya, saya hendak berhenti atas perkara itu, sudah habis cherita-nya, tetapi Yang Berhormat dari Batu saperti saya katakan tadi "kepala batu" juga kawan ini, maka dia tegor saya. Tidak apa-lah, terima kaseh-lah, tetapi saya harap supaya Yang Berhormat dari Batu itu memikirkan lebeh panjang kalau dia hendak

menentang tambahan perbelanjaan ini, dia mesti fikir dua kali, bukan sekali, dua kali dia mesti fikir, sebab pembangunan yang kita hendak buat ini ia-lah untuk ra'ayat tidak ada sangkut-paut dengan kita. Apa-kah Yang Berhormat dari Batu itu suka kapada pembangunan ra'ayat atau tidak suka? Itu sahaja!

Tuan Yang di-Pertua, biar-lah alasan² dan tuduhan² yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat itu kapada Perikatan ini di-jawab oleh beberapa kawan saya di-belakang saya nanti, tetapi saya bagi pehak kawasan saya Hilir Perak—dahulu saya Tanah Merah, sekarang Hilir Perak—balek kampung.

Tuan Yang di-Pertua, di-Hilir Perak kawasan saya ini satu bandar pun tidak ada. Satu kawasan Sungai Manik di-Labu Kubong dan lagi satu kawasan bernama Kawasan Bandang, satu pekan pun tidak ada. Pekan yang di-namakan pekan Kampong Gajah itu di-namakan pekan—kecil. Di-dalam Kampong Gajah ini, di-sekitar Kampong Gajah ini ada banyak kampung Melayu. Dalam bandar Kampong Gajah ini ada paip ayer, tetapi di-luar bandar sedikit, ra'ayat tidak dapat minum ayer melalui paip ayer. Apa yang di-buat pada masa yang sudah ia-lah menghantar satu alat yang datang dari negeri Jepun, di-tanam ka-dalam tanah sampai 50-60 kaki, kemudian di-pam (pump) keluar ayer. Ayer yang keluar itu busok, tidak boleh di-minum dan tidak boleh di-gunakan untuk mem-basoh baju dan mandi, ayer-nya jerneh, tetapi dia busok dan kelat, boleh jadi terlalu dalam ka-bawah dan boleh jadi juga entah apa tidak-lah saya tahu. Kehendak ra'ayat yang ada di-Kampong Gajah meminta supaya di-tukar alat mengepam ayer itu dengan telaga² supaya dengan telaga² itu lebih mudah di-gunakan oleh orang kampung daripada pam. Saya katakan tadi di-minta supaya bekalan ayer paip di-masukkan ka-tempat² dan ka-kampong² yang berdekatan di-mana ada ranchangan² machine ayer di-tempat itu.

Yang kedua, berkenaan dengan jalan, di-sini ada berkenaan dengan

jalan. Daripada Kampong Gajah ini sudah ada ranchangan hendak buat jalan sampai ka-Telok Anson melalui sa-panjang² sungai Perak dan kemudian dia tembus di-kawasan Labu Kubong ia-itu di-Bandang. Tanah² yang hendak di-jadikan jalan itu sudah di-beli, sudah di-bayar oleh Kerajaan duit-nya, rumah² yang di-tengah jalan itu pun sudah di-angkat, ada yang di-bayar \$500.00 atau \$600.00 sa-orang, tetapi sampai hari ini ranchangan membuat jalan itu konon khabar-nya telah di-bekukan, tidak di-jalankan. Sebab itu saya minta kapada Menteri yang berkenaan supaya jalan yang boleh di-lalui dan di-gunakan oleh orang kampung sa-panjang Sungai Perak sampai ka-Telok Anson itu dapat di-jalankan dengan sa-berapa segera yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit soal apa yang di-sebutkan oleh kawan saya berkenaan dengan pelajaran dan bangunan sekolah. Pada masa dahulu pernah saya sebut bangunan² sekolah kebangsaan ini tidak sa-suai atau pun tidak sama dengan sekolah² jenis kebangsaan. Kalau sekolah jenis kebangsaan itu hendak di-buat oleh Kerajaan, rumah-nya besar, jamban-nya pakai tarek, rumah guru-nya bagus dan sagala alat-nya lengkap, tetapi bila sekolah kebangsaan Melayu, jamban tidak ada, padang permainan tidak ada, pagar tidak ada, sekolah yang ada itu pun bochor pula rumah-nya. Jadi saya minta supaya dalam ranchangan kemajuan berkenaan dengan persekolahan ini supaya bangunan² sekolah² kebangsaan di-kampong² terutama-nya dapat di-setarafkan bangunan-nya itu dengan sekolah² jenis kebangsaan atau sekolah Ingeris supaya penarekan ibu-bapa kapada sekolah² itu dapat di-buat melalui bangunan sekolah yang baik serta alat² yang sempurna dan layanan² yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kawasan saya ada kawasan bendang atau menanam padi yang mana kawasan menanam padi itu boleh di-katakan terluas-lah, sa-sudah Krian, maka Hilir Perak-lah yang paling besar. Sungai Manik sekarang ini ada

mempunyai ranchangan menanam padi dua kali sa-tahun. Saya minta supaya Menteri yang berkenaan atau Menteri Muda Pertanian dan Shari-
kat Bekerjasama dapat melihat hasil daripada tanaman padi dua kali sa-tahun yang sedang berjalan sekarang ini dan penyakit² yang timbul daripadanya itu saya harap dapat di-atasi penyakit² itu.

Satu lagi perkara di-dalam kawasan saya nama-nya Tanjong Keramat. Yang Berhormat Menteri Muda Pertanian tahu tempat itu. Di-situ ada satu kawasan tanah yang sudah lama di-gunakan dan ada pokok² yang telah di-tanam—pokok kelapa sampai empat, lima tahun, pokok yang telah lama di-tanam, tetapi sejak di-adakan satu bund, satu empangan ayer di-situ maka ayer yang datang dari Sungai Batang Padang atau pun ayer yang datang daripada ayer hujan tidak dapat habis melalui masuk ka-Sungai Batang Padang balek. Apa yang berlaku ayer itu tergenang di-dalam kawasan tanah orang itu menyebabkan semua tanaman telah mati sa-telah dua, tiga tahun di-tanam. Saya mintalah kepada Menteri yang berkenaan supaya dapat dia menyelideki hal ini dan permohonan ra'ayat di-sana supaya di-adakan satu pintu ayer bagi mengeringkan tanah orang di-situ supaya mereka tidak berhijerah pada tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kehendak Tuhan baharu² ini berlaku-lah satu ribut dalam kawasan saya dan ribut ini telah di-pileh-nya rumah² yang hampir 40 buah rumah terkorban dan sa-buah sekolah Arab telah sujud ka-bumi. Saya berterima kaseh-lah kepada Kementerian Kebajikan Masharakat dan Jabatan Kebajikan Masharakat yang telah berkejar di-tempat itu dan memberikan pertolongan² yang sa-wajar-nya kepada mereka² yang telah terkena dengan akibat itu. Tetapi yang saya nampak sekolah Arab—sekolah ra'ayat yang telah sujud ka-bumi itu patut-lah di-ambil perhatian oleh Kerajaan bagaimana chara-nya hendak mendirikan sa-buah sekolah yang baharu.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian ini,

tetapi ta' payah-lah saya sebutkan perkara itu; kalau saya sebutkan pun tidak ada kena mengena dengan Kementerian ini nanti Tuan Yang di-Pertua marah pula, terima kaseh.

Sitting suspended at 11.25 a.m.

Sitting resumed at 11.55 a.m.

Mr Speaker: Ahli² Yang Berhormat, mengikut atoran, ia-itu bahathan ini hanya di-benarkan satu hari sahaja. Jadi pada pukul 1.00 saya akan berhentikan dan daripada pukul 4.30 ini sampai akhir-nya akan di-beri peluang kepada Menteri² menjawab segala hujah² yang di-datangkan oleh Ahli².

Enche' D. R. Seenivasagam (Ipoh): Mr Speaker, Sir, I rise to say a few words on the Supplementary Estimates under the Head of "Education".

Mr Speaker, Sir, a lot has been said from both sides of the House in relation to what has been described, even by the Government side, of the dishing out of money by the Honourable the Minister of Finance to schools as grants-in-aid just before election time. Mr Speaker, Sir, I would make it clear that I do not oppose what has been called the dishing out of money to schools, because we have always advocated more financial assistance to these schools. Now, what has been criticised, and I think rightly criticised, when it comes up as a supplementary and rightly brought before this House, is the question of the manner, the time and the circumstances under which this dishing out was carried out.

Mr Speaker, Sir, it is said that a person's intentions are betrayed usually by his acts and by his words. In this particular case of dishing out money, one has only to refer to the wellknown newspaper, the *Straits Times*—which, according to the Government Party, can never make a mistake; it referred to the speeches made by the Honourable the Minister of Finance, when he dished out these monies from village school to village school.

Mr Speaker, Sir, the Alliance has been in power from the time of independence—and indeed before that. I

think this is the first time that the Minister of Finance went round the country dishing out money from place to place. *The first circumstance*, therefore, is, what was the necessity, knowing that an election was around the corner, to wait until the expiry of a number of years before you started to dish out this money to these school? That is circumstance number one. *Circumstance number two* is, why was it necessary to keep these schools waiting until this last minute to receive these grants, if it was not mere political use of Government fund? *Circumstance number three* is, what was the necessity for the Minister of Finance, when dishing out this money, to make political speeches on the occasion of dishing out this money, such as saying, "You have formerly been supporters of the P.P.P."—(this happens in Ipoh and, of course, this has no effect, as the result has shown in that area at least)—"Now we are giving you this money, and we hope in the future you will be supporters of the M.C.A." If that is not political propaganda, I do not know what is. It is those points that we criticised in the dishing out of money, as a Member sitting opposite me said a short while ago.

Mr Speaker, Sir, again, there was another act which clearly betrayed a political motive and wrongful user of Government funds for political ends by a political party, as was exemplified, when the Honourable the Minister of Finance discriminated from local village to local village in respect of the persons to whom cheques were handed out at each village. It is a known fact—and this can be proved—that in villages in Perak, which were controlled by the P.P.P., the Minister of Finance did not think it right, or did not think it proper, to communicate or call the leaders of the Local Councils to take possession of the cheques, whereas in villages controlled by the M.C.A., the Minister of Finance dealt with the Local Council Chairmen. If that is not political discrimination and political propaganda, then I ask these questions: What is political propaganda? Why is it that, in

a village controlled by the M.C.A., the village Chairman is handed the cheque? Why is it, when a village is controlled by an Opposition Party, the cheque is handed to a non-entity, a non-entity who happens to be a Chairman of the M.C.A. Branch? Why is it that he is chosen—a man rejected by the people of that area, a man who holds no official position in the Government of this country? Why is it that the cheque was handed to him?

The next question I ask, and of importance, which I am sure the Attorney-General will one day have to answer, is this: Is the Government aware that money handed out in the form of cheques was misused, that criminal breach of trust or wrongful user was made at least in one particular case at Cameron Highlands, that a wellknown M.C.A. personality was handed a cheque by the Minister of Finance—the cheque number has been reported to the Commissioner of Police—and that M.C.A. chief, who happens to be a Dato' put that cheque into his personal account to satisfy an overdraft which he had in a bank at Cameron Highlands? That was immediately reported in writing to the Commissioner of Police and an investigation was carried out and these facts were proved—that this cheque, dished out to this man by the Minister of Finance, was put into his personal account and, at least, for a few days there was misappropriation, conversion and wrongful user of Government money by that man to cover up his own overdraft. I ask: Why has there been no prosecution of this famous or infamous Dato' at Cameron Highlands? I think it is time that people stopped saying "If you have any allegation, report it to the police". From our experience, reports to the police, where they are concerned with influential men, supporters of the Government side, end up in nothing. And this is one example where I say there was wrongful user and it was wrong on the part of the Minister of Finance to hand those cheques in that manner. The proper manner in which to give grants to schools is through

the proper channels, and the proper channels could have handed those grants to these schools long before this time, if indeed there was a genuine desire to benefit the schools and the students who go to those schools.

Mr Speaker, Sir, that report about Cameron Highlands was made months ago. Police statements were recorded, banks were checked, and confirmation was obtained that it was paid into the personal account of that man. Even if it was for one minute, it was still criminal breach of trust in law and in fact. If he is a Dato' and can get away with that, I don't see why others in this country cannot get away with it, and I hope one day an answer will be given.

Mr Speaker, Sir, therefore, in dealing with supplementary budgets it becomes clear that in the case of the Education Ministry, we have on the Alliance side itself a mixture of conflicting views. We have the Honourable Member from Bandar Melaka who says, "Recognise Nanyang University"—I do not know whether the big cane has been applied to him—and in the same breath he says, "Why can't the Singapore Government subsidise the Federation students at Nanyang University?" He has not got the voice to say, why can't the Federation Government subsidise the Federation students in Nanyang University. Perhaps he will answer us if he can.

Mr Speaker, Sir, I do hope that Government funds will be properly safeguarded and, if they are going to be dished out, let them be dished out in such a manner that they cannot be used by private individuals for their own business, or for their own bank accounts. It is no use letting the Opposition members or members of the public discover this misuse, because when it is reported it is always hushed up—invariably it is hushed up. The disgraceful case of the mining scandal in Ipoh, where Ex. Co. members were mentioned in court, what happened to it? The Attorney-General knows what happened to that file. It is no use saying,

"If you have any evidence, report it." And one member of the Ex. Co. yesterday had the audacity to say that the Alliance practises democracy. Democracy to be corrupt and then go and report to the police—is that what he means by democracy in the Alliance?

Mr Speaker, Sir, I rose to clarify the point that we oppose the vicious manner, the wicked manner in which propaganda was carried out by the use of Government funds in such an irresponsible manner that some of it was converted to the use of private individuals and no action has yet been taken by this Government.

Dr Haji Megat Khas (Kuala Kangsar): Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bangun kerana menchantumkan sokongan saya kepada tindakan Kerajaan memberikan wang tambahan kepada kumpulan wang pembangunan negara, kerana ini-lah satu perkara yang telah di-binchangkan di-dalam Dewan ini daripada sa-malam sampai-lah hari ini, dan saya rasa ia-itu ada-lah wang tambahan kepada kumpulan bangunan ini sangat-lah mustahak di-sahkan oleh Rumah ini kerana ada-lah ra'ayat² jelata yang dudok di-serata seluroh cherok dan rantau tanah ayer kita pada hari ini merasai kelaparan di-dalam beberapa bahagian. Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah mereka itu lapar tanah, tanah itu berma'ana untuk menyelenggarakan hal hidup mereka itu dan ini-lah satu perkara yang patut sangat Kerajaan mengambil tindakan supaya dapat di-segerakan. Kemudian daripada itu ada-lah kemudahan² yang berkaitan dengan hal kehidupan mereka itu seperti bekalan ayer, leterik juga ditunggu². Maka tujuan Kerajaan adalah tertentu ia-itu mendirikan keamanan dan kea'dilan dan juga membawa kema'moran kepada semua lapisan ra'ayat jelata yang dudok di-dalam negara kita termasuk-lah Sarawak dan Sabah. Maka dengan shor daripada pehak Kerajaan memohonkan tambahan kepada kumpulan wang untuk pembangunan sa-banyak \$32 juta itu berma'ana-lah kepada saya dan kepada rakan² saya, ia-itu

ini-lah satu dalil ia-itu Kerajaan adalah berazam dengan sa-sungguh hati hendak menyelenggarakan tujuan² yang sudah di-tentukan itu. Dan dengan itu tidak-lah mustahak Ahli² Yang Berhormat berbath dengan panjang lebar meleret² daripada satu hari ka-satu hari memakan masa yang panjang kerana tujuan-nya ia-lah terus dan terang. Walau bagaimanapun buat kata saya tadi, saya suka-lah mengarahkan perhatian Kerajaan kepada kelaparan tanah yang sedang di-rasai oleh ra'ayat jelata bukan sahaja di-negeri Perak di-kawasan saya sendiri bahkan di-merata² tempat juga di-seluruh negara ini. Dalam perkara yang lain yang banyak boleh di-bawa ka-tengah di-sini ia-itu sa-umpama bekalan ayer bagi pesawah² padi itu juga patut di-selenggarakan dan di-jalankan tindakan dengan segera kerana ini-lah yang membagikan hal kehidupan kepada ra'ayat jelata boleh menjadi meningkat ka-atas. Tetapi memadai, Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di-sini dengan mengemukakan atau pun boleh di-katakan memberi ingatan kepada tanggungan Kerajaan berkenaan dengan meningkatkan taraf hidup yang lebih tinggi di-lapangan hidup ra'ayat jelata dalam negeri ini, sekian-lah.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua dan Ahli² Yang Berhormat, masalah dihadapan kita ia-lah chadangan daripada pihak Kerajaan berkenaan dengan Tambahan Perbelanjaan bagi tahun 1964. Saya percaya tidak ada siapa pun yang membangkang pada asas-nya. Apa yang timbul di-dalam Dewan ini ia-lah chara menjalankan bantuan tambahan itu dan juga kebijaksanaan pihak Kerajaan di-dalam mendahulukan sa-suatu yang patut di-dahulukan dan kemudiannya sa-suatu yang patut di-kemudiannya. Dalam keadaan yang bagini berpeluang-lah Ahli² Yang Berhormat yang ada dalam Rumah yang bertuah ini berchakap dan memberikan pendapat masing², dan Tuan Yang di-Pertua sendiri pun telah memberi ingatan bahawa benda ini boleh di-bathkan sampai pukul 1.00 dan

tidak-lah mustahak sahabat saya dari Kuala Kangsar itu mengarahkan Dewan ini supaya jangan berchakap lebih panjang. Saya percaya Ahli² Yang Berhormat yang ada di-dalam Rumah ini pun mengerti sedikit sabanyak kalau tidak pandai pun berkenaan dengan chara² perbahathan ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam peluang ini-lah saya hendak berchakap dalam dua tiga perkara. Yang pertama-nya berkenaan dengan Kepala 100 ia-itu berkenaan Kementerian Keadilan, tentang rumah Mahkamah yang di-buat di-Kelang itu maka saya rasa perkara itu patut dapat sokongan daripada Rumah ini, malah kalau boleh di-tambah lebih banyak lagi kerana bandar Kelang itu sa-bagai satu bandar di-Raja dan dekat pula dengan pelabuhan yang besar. Apa yang saya pinta pihak Kerajaan ia-lah rumah Mahkamah itu sa-bagai open Court ia-itu Mahkamah terbuka, patutlah di-buat lebih besar lagi dan kalau boleh di-adakan alat² pembesar suara supaya ra'ayat dapat mengikuti perbicaraan itu. Ini satu pelajaran kepada ra'ayat mengikuti dan mene'mati keadilan dalam negeri kita yang demokrasi.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian Dalam Negeri ia-itu berkenaan dengan membuat satu market di-Kota Bharu dan ini kena-mengena dengan negeri Kelantan tempat yang saya datang. Saya terima kaseh di-atas kesadaran yang Kerajaan Perikatan nampak-nya sa-makin sa-hari sa-makin tidak lagi menjalankan kerja² yang sa-patut-nya di-jalankan tidak ia menyekatkan, dan saya percaya kalau fahaman yang ada bagini dalam State dan Federal atau pun Kerajaan Pusat, terutama dalam list² perbelanjaan yang kita namakan tanggungan bersama atau concurrent list di-jalankan oleh Kerajaan Pusat ini dengan tidak membezakan dari negeri mana yang di-perintah oleh satu² parti, saya rasa keadilan dan kema'moran itu dapat kita chapai bersama, terutama sa-kali dalam masa kita menghadapi keadaan yang mengenai seluruh national pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada lagi satu perkara yang saya hendak sebutkan berkenaan dengan pembenaan market dan sa-suatu yang kena-mengena dengan town area di-Kota Bharu, Kelantan itu. Saya berharap project yang akan di-jalankan ia-lah sa-mata² untuk kebaikan tempat itu sa-bagai menjalankan tugas, bukan-lah sa-bagai hendak menang pada tahun 1969. Ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau dalam Dewan ini pernah kita chatit daripada kata² Shakespeare atau pun siapa juga, tetapi saya suka menyebutkan kata Quran: "Lau anfaqta ma fil-ardhi jami'an, ma allafta baina qulu bihim" erti-nya: kalau-lah Kerajaan kita yang memerintah ini membelanjakan sa-berapa banyak wang dengan niat sa-mata² hendak menarek perhatian parti orang² itu untuk menyokong parti yang dia tidak akan dapat menarek dan bukti-nya telah kita lihat.

Dato' Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Tuan Yang di-Pertua, terjemahan ayat Quran itu tidak betul.

Mr Speaker: Bila hendak berchakap itu tanya-lah kerana a point of order atau explanation. Hanya dia menegor terjemahan ayat itu menyalahi.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri tidak tahu sama ada betul atau tidak betul-nya. Orang Arab lebeh tahu dan lebeh faham (*Ketawa*).

Mr Speaker: Please proceed!

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, di-bawah Head 118, Polis di-Raja kita, saya telah mengikuti perbahathan-nya ia-itu ada menyentoh kedudukan polis, tetapi perkara yang besar baharu² ini terjadi di-Bachok tempat saya bertanding. Saya sendiri saya rasa lebeh pertama kalau hendak berchakap perkara itu, walau pun saya minta kepada Kerajaan dapat menambah lagi perbelanjaan bagi pegawai yang menjaga keamanan dan mereka ini pada satu masa mempertahankan negeri ini daripada serangan luar, dan saya perchaya boleh jadi $\frac{3}{4}$ daripada Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini bila jadi sa-suatu, kita akan lari dengan beg²

dan terpulang kepada pegawai² polis untuk menjaga keamanan. Ada pun perkara² yang berlaku yang tidak baik saya perchaya itu bukan daripada kehendak polis itu sendiri, dan kalau berlaku pun ada-lah akibat daripada political manoeuvre atau pun sa-suatu benda yang berjalan di-usahakan oleh parti yang hendak menang pilehan raya di-kawasan yang dia fikir pada mula-nya dia boleh menang.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati banyak berek² polis dan tempat² kediaman mereka itu tidak berubah dari tahun 1948 dan 1949. Apa yang ada dalam bandar sahaja sedang di-jalankan masaalah housing facilities, jadi terpaksa-lah juga kita memikirkan dalam daerah² kecil di-luar bandar kerana mereka itu boleh di-katakan lebeh tidak selamat dudok-nya berbanding dengan keadaan² dalam bandar.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu masaalah di-bawah Kepala 121 ia-itu berkenaan dengan mengadakan electric di-luar bandar. Ini pun memang-lah tidak siapa pun yang membangkang, tetapi masaalah-nya ia-lah masaalah kebijaksanaan Kerajaan mengguna atau pun membelanjakan kewangan ini di-tempat² yang patut di-belanja dan yang patut di-dahulukan dan patut di-kemudiankan.

Ada satu perkara kecil dalam perkara ini yang saya fikir tidak mustahak hendak sebut, tetapi sa-bagai chontoh ia-itu di-pekan Bachok, dan itu boleh di-katakan bukan-lah rural lagi, kerana sudah kita adakan 3 kali election ia-itu pilehan raya, belum lagi ada electric di-bandar itu. Saya tidak tahu-lah ada-kah benda itu tidak di-jalankan oleh kerana kawasan itu di-kuasai oleh P.M.I.P. atau pun sahaja terbiar begitu, dan saya tidak tahu sama ada benda itu mesti di-jalankan oleh State atau pun concurrent list yang di-antara Federal dengan State. Apa yang sudah berlaku sudah 10 tahun tidak dapat perhatian dan ini patut-lah Kerajaan sa-bagai satu Kerajaan Pusat yang bertanggung-jawab yang terutama sa-kali saya minta kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan itu di-ketika memikirkan di-negeri tempat dia, dapat-lah

juga dia memikir di-negeri tempat lain dan menunjukkan gentleman dalam politik-nya.

Berkenaan dengan Head 126 ia-itu scheme² atau pun ranchangan² kechil berkenaan dengan ranchangan luar bandar. Saya tidak tahu di-tempat² yang lain, tetapi sa-bagai chontoh, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu di-Bachok ada satu jalan yang di-buat, bahawa tanah itu di-beri oleh State dan kerja itu di-buat oleh Federal, dan saya rasa asas ini sangat baik, kerana sudah dapat kerjasama yang lebeh jauh dari State dengan Federal. Tetapi apabila habis pilehan raya dan Kerajaan Perikatan tidak boleh menang di-situ nampak-nya perkara itu tidak berjalan lagi. Jadi, munasabah-lah ini kalau kita hendak kaitkan dengan apa yang di-katakan oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat tadi bahawa segala pembenaan itu ada-lah untuk kepentingan menang pada tahun 1969. Ini bererti bahawa bila tidak menang maka tidak terpaksa-lah memberhentikan perkara itu. Saya rasa ini sa-bagai satu ugutan dengan demokrasi dan keadilan dalam Dewan kita dan saya perchaya Dewan kita ini telah menjadi lebeh besar tidak kerana satu² project itu untuk hendak menang dalam pilehan raya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada sadikit lagi perkara di-bawah Head 144 ia-itu berkenaan dengan telephone automatic. Saya nampak di-pantai timor tidak ada lagi telephone automatic. Saya minta Menteri yang berkenaan itu tolong-lah menjalankan perkara ini, bukan sahaja untuk kepentingan parti yang memerintah di-sana, kerana orang² yang bukan P.M.I.P. ada juga dudok di-sana, dan kalau ada telephone automatic ini akan bertuah-lah pihak Kerajaan yang suka Kerajaan PAS itu jatuh. Jadi, dia dapat tahu perkara ini sa-kurang²-nya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhan-nya saya menyokong penambahan ini, tetapi saya harap mendapat perhatian di-atas pendapat² saya, atau pun tegoran² saya tentang chara, atau manner dan juga tentang mengutamakan yang patut di-utama-

kan; yang dahulu patut di-dahulukan. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Ng Kam Poh (Telok Anson):

Mr Speaker, Sir, I am addressing this short speech of mine to the Member for Batu and, particularly, also to the Honourable Member for Ipoh. However, I am not privileged to have their presence here to listen to me. The Member for Batu has said that the Alliance Government is dirty, mean and corrupt. The Member for Ipoh has also alleged he was dissatisfied with the manner, circumstances and time of distribution. He particularly referred to the question of the \$5.3 million special grant-in-aid to schools.

The Member for Batu, if I remember rightly, opposed the Supplementary Estimates *in toto*. The Member for Ipoh opposed the manner in which the money was given out—he opposed the Minister of Finance going out to the people and handing out money to the various schools. The Honourable Minister of Finance is also a representative of the people, Sir. Why is it wrong for the Minister to go out to the people? (*Applause*). Why is it wrong for the Minister to go and mix with the common people? Many have said that our Ministers are high and mighty but our Ministers have come down to the common people. I say that this is the proper thing to do! (*Applause*).

Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Ipoh says that some of the cheques were improperly banked in, particularly the one for the Cameron Highlands. I will not challenge his statement, Sir. He said that the Malayan Chinese Association was always at the receiving end of the cheques and that the Peoples' Progressive Party was excluded. In my constituency, Sir, no such thing has ever happened—my constituency is Telok Anson. The people know that cheques were made out to the schools and handed to the Chairmen of the Board of Governors, or Chairmen of the Board of Managers, or the Headmasters.

Now, the Peoples' Progressive Party controls the new village of Langkap, and yet the Alliance Government has

handed over \$8,000 for the building of a new classroom for the Langkap New Village. Does not this show a basis of fair play? The Peoples' Progressive Party again alleges that one of the cheques was banked into a personal account. I was there in Telok Anson, when the Minister of Finance came down there to hand over the various cheques to various Chairmen of the Boards and also to various Headmasters, who represent the various schools. I do not think the Member for Ipoh had ever seen one of the cheques and I, myself, being the Chairman of the St. Anthony School in Telok Anson, received one of those cheques. The cheque was written out in the name of the School. It was not a cash cheque, so the probability of paying it into a personal account should not arise. If it should arise, Sir, then an inquiry should be instituted and the person who is guilty should be prosecuted.

As for the Honourable Member for Batu, he says that our tactics were dirty, mean and corrupt. Sir, I have not the privilege, nor the means, to have ghost writers; so, I cannot constantly look at my papers and address the House. I am speaking *impromptu*. He says that he objects to Head 106 about recreational facilities. He has said that no token vote was ever made for that—perhaps so—but appeals have been made from new villages all over the country. In my constituency, Sir, whether they are controlled by the Malayan Chinese Association, or the Peoples' Progressive Party, they have made appeals for football fields, basketball pitches, badminton courts, community houses, and I do not see why he should object to things which the Alliance is giving to the people.

Again, Sir, as a member of the Socialist Front, the Member for Batu cannot fail to understand why as one of the few rich men—I will not put it that way—or rather as one of the rich men in Kuala Lumpur, he cannot fail to observe the facts of socialism. Socialism means, according to his Manifesto, "Equality for all". Sir, I think he should first distribute his wealth to all concerned before he

comes round to profess and to proclaim socialism.

Sir, there is another thing which he says that he objects to—that is Head 126, in respect of rural development. Rural development is for the benefit of the ra'ayat, and why he is objecting to it, I fail to understand—perhaps, being the opposer to this, in due course he will elucidate and let us know why he has objected to this item. Perhaps, he had objected to the manner in which the money had been used for education as well as the money for rural development? However, he must understand that the Ministries concerned have applications coming in practically every day for special assistance or grant-in-aid, or for rural development. So, the Ministry of National Development, therefore, felt that it was desirable to give a sum of money *in toto* to the people, and the Government gave it in that manner. But by giving it in that manner, or any other manner, is not a political stunt as alleged by the Honourable Member for Ipoh. I have proved to him, Sir, in this House, that the Peoples' Progressive Party controlled new villages have been given sums for building recreational facilities.

As for the Honourable Member for Batu, I am sure our Ministers will give him a proper reply. From my point of view, I have only this to say: do not make capital out of an issue that is non-existent.

Lastly, Sir, I will say to both Members—"Evil to him who evil thinks". Thank you.

Dato' Abdullah bin Abdulrahman (Kuala Trengganu Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya juga berasa bershukor kerana walau pun negeri kita ini sedang menghadapi ancaman dari luar, tetapi bagi pihak Kerajaan namun sedang dan akan terus-menerus dengan usaha²-nya mengadakan pembangunan dan kemajuan dalam negeri ini. Walau pun banyak kecamahan² hebat yang di-hamborkan oleh Ahli² Yang Berhormat daripada parti Pembangkang mengenai Supplementary Development Estimates ini,

pada pendapat saya Kerajaan telah menjalankan pentadbiran-nya sa-bagai Kerajaan yang berchorak demokerasi dengan 'adil dan dengan bijaksana.

Saya berasa tidak senang hati mendengar ucapan yang di-keluarkan oleh saudara saya Ahli Yang Berhormat dari Besut mengenai rancangan pembangunan di-negeri Trengganu. Daripada apa yang beliau beruchap dapat-lah di-fahamkan dan dapat di-ma'anakan ia-itu tidak ada kemajuan langsung dan tidak ada pembangunan langsung di-buat oleh Kerajaan Perikatan di-Trengganu. Beliau tidak ada sebut langsung di-dalam ucapan beliau apa yang di-buat dan apa yang sedang di-buat oleh Parti Perikatan di-negeri Trengganu sana. Jadi supaya Ahli² Yang Berhormat dan ra'ayat semua di-sini tidak silap faham elok-lah saya menyatakan dan menegaskan di-sini ia-itu di-dalam masa sa-habis sengkak 2½ tahun Kerajaan Perikatan di-Trengganu telah menjalankan dan melaksanakan beberapa banyak kemajuan dan pembangunan untuk faedah ra'ayat di-sana. Kerajaan Perikatan telah membelanjakan wang bermelion ringgit untuk kemajuan dalam segala lapangan, baik dalam lapangan pelajaran mahu pun lapangan meninggikan taraf hidup ra'ayat atau ekonomi dan dalam lapangan kesihatan dan lain² lagi. Jadi ra'ayat di-sana bershukor dan berbangga dengan apa yang telah di-buat oleh Kerajaan Perikatan. Saya berasa tidak ada Kerajaan lain, tidak ada parti lain kalau berkuasa di-sana boleh menengkat atau boleh buat kemajuan sa-bagitu banyak di-dalam masa yang sa-habis sengkak saperti apa yang telah di-buat oleh Kerajaan Perikatan.

Kemudian elok juga saya fikir saya sentoh sedikit apa yang di-tudoh oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut itu mengenai apa yang di-katakan P.J.K. Saya rasa tuduhan ini tidak 'adil sama sa-kali. Tuduhan sa-chara umum ini tidak 'adil dan tidak kena pada tempat-nya.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua mesti ingat Kerajaan kita Kerajaan yang berchorak demokerasi, Kerajaan

yang mengamalkan *collective responsibility* atau tanggung-jawab bersama. Maka perkara yang tidak 'adil susah hendak di-timbulkan dan susah hendak berbangkit di-negeri ini—mengatakan banyak wang saperti di-dalam Supplementary Development Estimates Tahun 1964 hanya banyak untuk kemajuan² di-buat dalam negeri² Pahang, Kedah dan Johor itu saya rasa tidak 'adil dan tuduhan yang tidak betul sama sa-kali. Kerajaan memang ber-'azam hendak memberi sa-berapa banyak kesenangan kepada tiap² sa-orang ra'ayat dalam negeri ini; dan saperti saya katakan tadi Kerajaan berchorak demokerasi dan mengamalkan *collective responsibility* atau tanggung-jawab bersama, maka Kerajaan tidak ada beza-membeza di-antara satu negeri dengan satu negeri lain dalam Malaysia ini.

Dan mengenai apa yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Hilir ia-itu sa-tengah² pegawai Kerajaan ada menjalankan usaha penindasan di-atas ra'ayat di-Kelantan, saya juga dengan ringkas suka menegorkan sedikit ia-itu pegawai² Kerajaan saperti kita tahu terpaksa menjalankan tugas-nya dan kewajipannya mengikut peratoran dan mengikut Undang² dalam negeri. Jadi ada perkara-nya barangkali mereka terpaksa menjalankan-nya walau pun tidak memberi puas hati kepada sa-tengah² Wakil Ra'ayat atau kepada sa-tengah² ra'ayat sendiri. Tetapi saperti saya kata, mereka terpaksa menjalankan tugas mengikut Undang² dan peratoran. Dan kalau benar apa yang di-katakan oleh Wakil Ra'ayat ia-itu Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Hilir tadi, apa yang patut di-buat oleh beliau ia-lah merepotkan perkara yang tidak baik atau pun tidak kena itu kepada pehak atasan atau pehak yang berkuasa. Dan bukan membuat tuduhan yang sa-chara 'am atau pun sweeping allegation.

Bagitu juga berkaitan dengan apa tuduhan yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh. Nampak-nya daripada persidangan yang pertama lagi beliau ini suka melihat banyak pegawai² Kerajaan dan orang² yang sempati dengan Kerajaan di-tangkap

dan di-hadapkan ka-Mahkamah. Di-sini, saya suka berkata, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu tidak-lah ada guna-nya bagi pehak Polis menyiasat lebeh lanjut di-dalam satu² perkara yang di-adukan kapada mereka kerana membuang masa dan membuang wang sa-kira-nya pehak mereka berpendapat ia-itu tiada keterangan yang chukup untok di-bawa ka-tengah atau pun di-bawa satu² perkara itu ka-Mahkamah. Dan ada-lah sia² membuang duit dan membuang masa serta membuang tenaga bagi pehak Polis juga membawa satu² perkara yang di-adukan kapada mereka ka-Mahkamah menda'awa sa-kira-nya mereka berpendapat daripada awal lagi tiada keterangan yang chukup atau pun tiada asas di-atas satu² aduan itu, sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Enche' Sulaiman bin Ali (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul tambahan wang ini. Di-samping itu saya suka memberi ingatan dan menarek perhatian kapada Kementerian² yang berkenaan. Dan perhatian saya ada-lah berupa rayuan, rayuan yang mengharapakan pertimbangan daripada Kementerian yang berkenaan dalam masa menjalankan pembangunan² yang di-maksudkan. Dalam perbahathan usul ini saya suka hendak menyentuh satu dua perkara sa-chara ringkas, yang pertama berkenaan dengan Polis. Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang kita tahu perkhidmatan yang telah di-berikan oleh Polis kapada negara, dan masha-rakat ada-lah terlampau besar, dengan sebab itu kedudukan mereka—taraf mereka mesti di-kawal dan di-jaga dengan wajar-nya dan saya perchaya pehak² Polis sendiri pada masa sekarang berpuas hati dengan layanan yang di-berikan oleh pehak Kerajaan. Tetapi satu perkara yang kecil yang saya rasa boleh jadi barangkali dilupa'i oleh pehak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri ia-itu tugas² khas yang di-jalankan oleh pegawai² Polis. Saya dapat tahu banyak juga pekerjaan² khas yang di-jalankan oleh pegawai² Polis dengan tidak mendapat perhatian atau timbangan daripada Kerajaan, saya mithalkan-nya pilehan raya. Dalam menjalankan kerja

pilehan raya, pegawai² Polis terpaksa di-hantar jauh ka-kampong² kemudian terpaksa meninggalkan rumah tangga dua, tiga, empat hari. Jadi dalam masa mereka menjalankan tugas ini sa-hingga mereka balek mereka tidak di-beri apa² upahan istimewa atau kita kata saperti allowance. Jadi peringatan saya kalau boleh biar-lah pehak yang berkenaan memberi pertimbangan atau memberi bayaran manakala pegawai² Polis menjalankan kerja khas itu.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan bekalan ayer. Saya tidak berchadang hendak berchakap dalam perkara² 'am tetapi saya suka hendak menumpukan perhatian Kementerian dalam kawasan saya sendiri ia-itu Dungun. Dalam kawasan saya di-Dungun ada mengandongi dua daerah—daerah Dungun dan daerah Marang. Penduduk² di-daerah ini pada tiap² tahun ada-lah kekurangan ayer. Dan boleh di-katakan dalam masa sa-tahun dua tiga bulan terpaksa mereka itu terlampau kekurangan ayer, hatta kadang² terpaksa di-minta bantuan dari Bomba. Bomba bawa ayer dari Kuala Trengganu ka-Marang membekalkan ayer kapada penduduk² kampong yang masing² berebut² barangkali sa-orang dapat satu tin atau dua tin untok keperluan. Jadi dalam soal saperti ini kalau tidak di-ambil perhatian oleh Kementerian maka penderitaan khas-nya dalam musim kemarau oleh penduduk² dalam kawasan Marang itu akan menjadi bertambah burok. Dengan sebab itu saya merayu kapada pehak Kementerian kalau boleh chuba-lah mengadakan satu projek bekalan ayer atau satu tempat simpanan ayer khas supaya penduduk² kampong boleh menggunakan-nya—boleh mengambil ayer pada masa waktu kemarau khas-nya.

Perkara yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan hal Kementerian Pelajaran. Saya tidak berchadang hendak berchakap berkenaan dengan bangunan² sekolah kerana kedudukan bangunan² sekolah dan kekurangan-nya barangkali telah sedia ma'alum dan telah ada dalam ma'aluman Menteri Pelajaran dan

pegawai²-nya. Dan saya juga tidak hendak berchakap berkenaan dengan taraf guru² tetapi apa yang saya suka hendak sentoh di-sini ia-lah berkenaan hal satu jenis guru yang di-namakan guru ta' bersijil. Saya sendiri pun tidak berapa tahu, Tuan Yang di-Pertua, kedudukan atau taraf guru² yang tidak bersijil ini. Tetapi ada beberapa orang guru yang tidak bersijil datang berjumpa dengan saya merayukan hal²-nya sendiri. Walau macham mana sa-kali pun sama ada taraf mereka rendah, sama ada kelulusan tidak ada dengan rupa-nya guru yang tidak bersijil tetapi dia ada mempunyai hubungan yang rapat dengan pelajaran dan dia juga maseh mengajar di-sekolah². Dengan sebab itu maka mustahak juga mendapat layanan atau timbangan daripada Kementerian yang berkenaan. Dalam masa tutup penggal, mereka² ini pernah di-beri kursus untuk beberapa hari dua minggu mithal-nya dan semua guru² yang tidak bersijil ini akan di-kumpulkan pada satu tempat dalam masa 14-15 hari di-beri kursus tetapi apa menyedehkan guru² yang tidak bersijil ini, Tuan Yang di-Pertua, adallah manakala mereka itu di-kumpulkan mithal-nya di-Kuala Trengganu mithal-nya mereka di-tempatkan pada satu tempat tetapi mereka tidak di-beri makan, tidak dapat tambang pergi dan balek, jadi mereka terpaksa menanggung beban itu sendiri. Pada hal kita tahu guru² ini mendapat gaji terlampau kecil sa-kali. Jadi ini juga satu rayuan dan peringatan yang saya hadapkan kepada Kementerian Pelajaran supaya memberi pertimbangan kepada, mithal-nya, masa² yang akan datang kalau hendak di-adakan lagi kursus² kepada guru² yang tidak bersijil ini, tolong-lah timbangkan supaya tambang mereka itu dari rumah ka-tempat berkursus itu dan kalau boleh biar-lah sediakan sedikit sa-banyak perbelanjaan² untuk makan yang mereka meninggalkan rumah sa-lama dua atau tiga minggu itu, Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja.

Orang Tua Mohammad Dara bin Langpad (Sabah): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang berchakap berkenaan dengan wang

tambahan dalam tahun ini. Tuan Yang di-Pertua, apabila saya mendengar ucapan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan kelmarin, bahawa beliau menerangkan wang tersebut saya amat berasa sukacita dan gembira hati serta bersetuju, dan saya yakin bahawa Kerajaan Malaysia ini chukup memberi peluang yang istimewa kepada ra'ayat di-dalam wilayah Malaysia ini.

Saya perchaya Kerajaan Malaysia tentu menunaikan janji-nya serta patoh di-atas apa juga perjanjian di-dalam Manifesto semenjak tertuboh-nya Malaysia itu, kerana saya ingat perbelanjaan tahun 1964 ini sudah pun di-luluskan di-dalam Persidangan yang telah lalu, akan tetapi maseh juga Kerajaan kita menyelidek kepentingan ra'ayat dan kemajuan negeri kita ini. Maka saya minta-lah kepada Ahli² Yang Berhormat semua yang ada di-dalam Dewan ini ta'at-lah dan patoh-lah kepada Kerajaan kita kerana Kerajaan juga boleh memikirkan kemajuan dan kemundoran negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya Dewan yang mulia ini membebaskan kepada kita semua membawa apa juga yang berlaku dalam tiap² daerah dan amanah² dari ra'ayat, tetapi dengan sa-chara benar dan jujur baharu-lah Kerajaan dan Yang Berhormat Menteri² kita boleh menimbangkan perkara² yang kita kemukakan itu. Tetapi, kalau tidak benar, bererti perkataan² kita itu sia² sahaja. Dan saya yakin Yang Berhormat Menteri² kita semua terutama Yang Teramat Mulia Tengku Perdana Menteri kita betul macham kita sangka mereka tidor, akan tetapi saya fikir hati mereka, saya umpamakan dan ibaratkan pinisel dengan kertas memikirkan kemajuan negeri dan kemajuan ra'ayat. Tuan Yang di-Pertua, saya berani menegaskan di-dalam Dewan yang mulia ini patut Sabah dan Sarawak berseru kepada Kerajaan meminta bantuan dan pertolongan dengan sa-chepat mungkin, sebab Ahli² Yang Berhormat semuanya mengetahui bahawa Sabah dan Sarawak baharu sahaja lepas dari tangan penjajahan itu. Itu pun kami

bersabar hanya terpulang-lah kepada Kerajaan jangan sampai Indonesia berkata, kamu hanya saperti perkas sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak juga boleh di-salahkan Ahli² Yang Berhormat membawa shor²-nya dalam Dewan yang mulia ini, sebab Ahli² Yang Berhormat itu telah dipileh oleh ra'ayat untuk menyampai-kan amanah yang mustahak, sebab kita telah mengangkat sumpah yang kita telah mengaku ta'at dan patoh kepada Kerajaan dan kepada ra'ayat. Hanya saya merayu kepada Kerajaan Malaysia, jangan-lah di-lupakan kejatoan Sabah dan kemundoran dari dahulu sampai masa ini dan saya berharap dapat di-perbaiki dan di-ingati oleh Kerajaan Pusat, terima kaseh.

Mr Speaker: Boleh berchakap, tetapi dalam tiga minit sahaja.

Wan Hassan bin Wan Daud (Tum-pat): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian di-dalam perbahathan yang ada di-hadapan kita ini walau pun sa-kadar dua minit atau tiga minit sahaja. Saya suka menarek perhatian Kementerian Pelajaran ia-itu dalam Kepala 122. Saya suka menarek perhatian Yang Berhormat Menteri Pelajaran untuk meninggikan taraf pelajaran anak² Melayu yang mana kita ketahui sekarang ini anak² Melayu sangat rendah dan sangat² mundur dalam pelajaran, baik pelajaran rendah, sampai-lah ka-pelajaran tinggi ia-itu keperingkat universiti, terutama sa-kali dalam mata pelajaran sains. Saya suka menarek perhatian pehak Kementerian ini dalam masaalah kekurangan makmal² sains di-sekolah² menengah yang mendapat bantuan penoh yang mana saya perchaya dengan kekurangan ini-lah yang menyebabkan penuntut² Melayu di-sekolah² menengah tidak mendapat kesempatan yang baik untuk mempelajari pelajaran sains hingga membawa kepada peringkat tinggi-nya, juga kekurangan peralatan² yang di-lengkapkan dalam makmal² yang tersebut. Satu lagi kekurangan yang saya rasa paling mustahak di-atasi oleh pehak Kementerian Pelajaran ia-itu-lah kekurangan asrama di-

sekolah² menengah yang mana sa-bagaimana kita tahu di-dalam sa-buah jajahan kadang² hanya-lah satu sahaja sekolah menengah yang ada dan murid²—anak² Melayu kita terutama dari kampong² itu terpaksa-lah bertumpu ka-sekolah yang satu itu sahaja, dan mereka terpaksa-lah berulang-alek ka-sekolah itu yang mengambil masa satu jam atau dua jam sa-hari, umpama-nya, mereka terpaksa bangun pukul enam pagi atau pukul lima sa-tengah pagi dan terpaksa mengambil masa satu jam untuk pergi ka-sekolah, dan bagitu juga membuang masa satu jam lagi untuk balek ka-sekolah dengan berbasikal dan kadang² dengan bas, maka ini ada-lah membuang masa sahaja dan kalau-lah pehak Kerajaan dapat mengadakan bangunan² asrama yang banyak yang menchukupi di-sekolah menengah itu, saya perchaya masa yang terbuang dengan sia² itu tidak-lah lagi terbuang. Juga satu hal yang sama² di-ketahui yang saya perchaya pehak Kementerian juga mengetahui hal ini ia-lah kekurangan guru² yang berkelayakan di-dalam sekolah² menengah, terutama sa-kali di-Pantai Timor. Bagaimana yang kita tahu, banyak daripada guru² yang berkelayakan dan berkelulusan di-Pantai Barat, mereka tidak mahu di-tukarkan ka-Pantai Timor. Ini saya perchaya satu perkara yang besar yang menyebabkan kekurangan guru² yang berkelayakan di-Pantai Timor sana.

Saya berharap pehak Kementerian Pelajaran dapat mengatasi hal ini, dan kalau perlu dapat memberi elaun khas atau elaun tambahan pada guru² untuk mengajar di-Pantai Timor ya'ani guru² yang berkelayakan. Sekian-lah, Tuan Yang di-Pertua.

Mr Speaker: Meshuarat ini di-tang-gohkan hingga pukul 4.30 petang ini.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 4.30 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

DEVELOPMENT (SUPPLEMENT-ARY) (No. 1) ESTIMATES, 1964

Mr Speaker: Perbahathan di-sambong sa-mula.

The Minister of Education (Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat wakil dari kawasan Batu telah membangkang usul yang ada di-hadapan Dewan ini dan telah mengeshorkan yang Perbelanjaan Tambahan untuk kemajuan negara sa-banyak lebeh daripada \$32 juta di-tolak. Saya sadikit pun tidak terperanjat atas pendirian Socialist Front yang di-suarakan oleh wakil dari Batu, kerana saya tahu bahawa apa yang di-chakapkan oleh parti itu di-luar Dewan ini yang mengatakan dia ada-lah menjadi jagoh untuk memperjuangkan kepentingan penduduk² dalam negeri ini yang terbiar pada masa yang lampau ada-lah sa-mata² palsu. Perbuatan wakil itu dalam Dewan ini menunjukkan dengan jelas-nya akan kebenaran sangkaan saya pada masa yang lepas. Penduduk² negeri ini yang telah menyokong Socialist Front harus-lah terkejut besar melihatkan telatah wakil-nya di-Dewan ini, kerana sa-bahagian besar daripada Peruntukan Tambahan yang di-minta ada-lah untuk kebajikan dan faedah penduduk² dalam negeri ini yang miskin dan terbiar.

Sa-bagai contoh, Kepala 106 adalah projek² yang mendatangkan faedah kepada penduduk² di-luar bandar yang konon-nya hendak di-bela oleh Socialist Front. Begitu juga Perbelanjaan Tambahan yang di-kehendaki bagi Kepala 122 ia-lah bagi faedah sekolah² yang kebanyakan-nya di-kampong² baharu yang bangunan-nya dalam keadaan yang mendukachitakan. Dengan ada-nya usul untuk menolak perbelanjaan ini, belang Socialist Front yang sa-benar-nya ada-lah nyata dan dengan yang demikian akan membukakan mata penyokong² parti itu pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam ucapan-nya pada masa membangkang usul ini ia telah bertanya, apa-kah mustahak-nya di-adakan Perbelanjaan Tambahan sa-banyak \$5 juta kepada Kementerian Pelajaran? Saya suka menjelaskan sebab-nya peruntukan sa-banyak lebeh daripada \$5 juta bagi Kementerian ini di-kehendaki. Perbelanjaan Kemajuan bagi Kementerian ini ada sa-banyak \$55 juta bagi tahun

1964 telah di-rangka pada akhir tahun 1963 lagi, tatkala itu dasar yang di-jalankan oleh Kementerian Pelajaran dalam membahagikan bantuan Capital Grants kepada sekolah² yang bangunan-nya tidak di-punyai oleh Kerajaan ia-lah 50% daripada perbelanjaan semua-nya.

Pada awal tahun 1964 Kerajaan telah meminda dasar itu dan membolehkan Kementerian Pelajaran untuk memberi bantuan sa-penoh-nya kepada sekolah² seperti itu dengan syarat² yang tertentu. Maka oleh kerana dasar ini ada-lah satu factor yang baharu, maka dia tidak-lah di-masokkan dalam perhitungan tatkala Belanjawan Kemajuan bagi tahun 1964 di-buat pada akhir tahun 1963 dahulu. Dan bagi melaksanakan dasar yang baharu yang saya terangkan tadi satu peruntukan yang baharu telah di-minta dan hasil-nya ia-lah perbelanjaan yang di-bentangkan di-Dewan ini oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Dalam hal ini apa yang mesti di-pentingkan ia-lah tujuan bantuan itu di-beri dan bukan chara-nya bantuan itu di-perbuat, tetapi Socialist Front menitikberatkan chara bantuan itu di-beri dan dia berbuat demikian dengan satu tujuan ia-itu untuk mengadakan satu sebab untuk mengadakan satu helah bagi membolehkan dia mengatakan bahawa mereka kalah dalam Pilihan Raya yang lepas hanya-lah kerana perbuatan Perikatan yang tidak sempurna.

Saya suka hendak menjelaskan bahawa Socialist Front telah di-crushkan (crush) oleh Perikatan, bukan-nya di-sebabkan ada-nya Crash Programme ini—(AN HONOURABLE MEMBER: Hear, hear!)—Socialist Front di-crushkan kerana pendirian-nya yang tidak tegas dan tetap dan keperchayaan orang ramai yang ta'at setia parti itu tidak dapat hendak di-perchayai dengan sa-penoh²-nya. Lagi satu contoh mengatakan pendirian parti-nya tidak tegas dan tetap ia-lah ia menda'awa bahawa ia ada-lah satu parti yang tidak berbau perkauman, tetapi tatkala mendatangkan hujah-nya dia ada membayangkan bahawa dengan ada-nya bantuan Crash Programme, maka sekolah² kebangsaan,

sekolah² Tamil dan sekolah² Inggeris tidak mendapat bahagian peruntukan yang sama. Saya suka hendak menjelaskan bahawa sekolah² yang di-punyaï oleh Kerajaan seperti sekolah² kebangsaan, sekolah² Inggeris serta sekolah² Tamil yang dahulu di-punyaï oleh Kerajaan memang daripada dahulu lagi telah di-beri bantuan Capital Grants 100 peratus dan peruntukan ini bagaimana yang saya katakan bukan-lah peruntukan bagi sekolah² yang dahulu-nya di-punyaï oleh Kerajaan tetapi ia-lah bagi sekolah² yang tidak di-punyaï oleh Kerajaan. Jadi saya katakan ada-lah menjadi satu dosa dan kesalahan yang besar kepada Socialist Front jika perkara itu hendak di-jadikan alat untuk menaborkan persengketaan kaum dalam negeri ini, dan kalau dia terus berbuat demikian, saya hanya dapat mengatakan bahawa ini akan memperchepatkan lagi terkuburnya Socialist Front di-sini—(AN HONOURABLE MEMBER: Hear, hear!) (*Tepok*).

Tuan Yang di-Pertua, wakil dari Besut tatkala menjawab tegoran daripada salah sa-orang wakil Perikatan berkenaan dengan Peratoran Mesuarat telah menyatakan yang dia di-pilih oleh ra'ayat; dia di-suruh berchakap bagi pehak ra'ayat dalam Dewan ini. Saya angkot kapada kenyataan itu, tetapi sa-bagai Wakil Ra'ayat yang di-pilih ia juga ada mempunyai tanggung-jawab untuk menyuarakan kehendak² ra'ayat yang benar dan tidak-lah berhak ia membuat sa-barang kenyataan yang tidak sama sa-kali berasas.

Saya ingat dia minta supaya Kementerian Pelajaran mengadakan ranchangan menambah bilangan penuntut² Melayu masok ka-dalam Universiti Malaya dengan mengadakan hadiah² pelajaran kapada murid² dari sekolah² menengah lagi. Perchakapannya itu menunjokkan dengan jelas bahawa dia suka membuat kenyataan dengan tidak menjalankan sedikit penyiasatan pun. Untuk pengetahuannya saya suka menjelaskan bahawa biasiswa kechil Persekutuan ia-itu bagi murid di-antara Tingkat I-V ada di-keluarkan oleh Kementerian saya pada tiap² tahun, dan dalam tahun

1964 jika dia membuka Anggaran Belanja Tahunan bagi tahun ini akan dapat dia melihat wang sa-banyak \$1,050,000 di-sediakan bagi hal itu.

Tuan Yang di-Pertua, sa-orang wakil dari Sarawak daripada S.U.P.P. telah menchabar akan kenyataan yang dibuat oleh saya yang menyatakan bahawa dalam bidang pelajaran, Malaya ada-lah 20 tahun terdahulu daripada negara Asia yang lain kechuali Jepun dalam usaha menjalankan pelajaran perchuma kapada semua kanak² yang layak bersekolah rendah. Alasan dia menchabar yang di-beri ia-lah Free Primary Education belum-lah di-jalankan di-dalam Sarawak ada-lah salah sa-buah negeri daripada wilayah Malaysia.

Saya telah berkali² menegaskan Kerajaan Pusat akan menimbangkan untuk memberi pelajaran perchuma kapada negeri Sarawak dan Sabah (*Tepok*) tetapi saya tidak-lah mahu bersubahat dengan usaha² yang boleh melanjutkan lagi dasar pelajaran Colonial yang di-jalankan di-sana—(AN HONOURABLE MEMBER: Hear, hear!) (*Tepok*). Kita mempunyai tujuan hendak menjadikan Sarawak dan Sabah sa-bagai satu anggota yang tulin dalam sa-buah negara yang merdeka. Untuk menchapai chita² itu kita mesti-lah menanamkan semangat kebangsaan yang sa-jati, ta'at setia yang tidak berbelah bahagi kapada negara ini melalui satu sistem dan dasar pelajaran kebangsaan yang boleh mendorong kapada terchapai sa-buah negara yang bersatu-padu. Yang Berhormat itu hendak-lah memahami dan memikirkan hal ini dengan sa-dalam²-nya sa-belum ia menuduh bahawa Kerajaan Pusat menganaktirikan Sarawak dalam bidang pelajaran.

The Minister of Home Affairs and Minister of Justice (Dato' Dr Ismail): Mr Speaker, Sir, first I would like to answer the observations made by the Member for Ipoh. The Member for Ipoh has made an allegation that no action is being taken by the Attorney-General on a report regarding the alleged misuse of Government funds for a school building in Cameron Highlands by the chairman of the

school. Sir, I would like to say that investigations had been completed, that on the 12th of June this year the Attorney-General had already examined the papers and had directed the Police that there was a *prima-facie* case to answer on a charge of criminal breach of trust. It is regretted that the Police in Perak have delayed in effecting the arrest as they have to consult the D.P.P., Perak, to get him to conduct the prosecution. However, I understand that the Perak Police have already obtained a warrant of arrest, issued two days ago, and that the person will be arrested and charged in Court at any time now. So, the Honourable Member for Ipoh can judge for himself that this Government is always interested in meting out justice to whomever it should be meted. So we cannot accept the inference that this Government will connive at any miscarriage of justice by anyone in this country.

The Honourable Member for Ipoh also said that in a certain Court case of corruption, arising out of mining matters, mention was made that certain Executive Council Members were involved, but no follow-up action appeared to have been taken. Sir, I presume the Honourable Member refers to the recent Court case in Ipoh involving an official in the Mines Department. If this is so, then the case is still *sub judice* as the accused has lodged an appeal. However, as the Honourable Member has brought this matter up, I have to inform the House that the matter came to the knowledge of the Police when the complainant stated that the accused wanted the money to give to certain Executive Council Members in Perak. Arising out of this statement the Police made investigations, but found no evidence to substantiate the allegation. The accused himself would not identify or name certain Perak Executive Council Members to the Police. Here again, Sir, is a good example of the Honourable Member for Ipoh trying to use his legal knowledge to give only half of the truth.

Ahli² Yang Berhormat dari Kelantan Hilir telah membuat beberapa tegoran

berkenaan dengan Polis. Yang pertama, dia mengatakan berkenaan dengan penangkapan 15 orang sebelum pilihan raya kecil di-Bachok. Tiap² kali di-adakan pilihan raya, tiap² kali dalam Rumah ini, Ahli² Yang Berhormat dari PAS membuat kenyataan banyak orang sana kena tangkap, apa-kah patut di-buat tafsiran rayuan sa-macam itu. Ada-kah semenjak Kerajaan PAS menjadi Kerajaan di-sana makin banyak orang jahat di-sana? (Ketawa) Ada-kah orang jahat itu tumbuh dengan sendiri-nya atau pun di-galakkan oleh Kerajaan PAS? Atau ada-kah Kerajaan PAS menggunakan orang² jahat ini untuk kepentingan parti-nya? Sebab apa, tiap² pilihan raya di-adakan di-tempat lain tidak ada rayuan di-buat dalam Rumah ini mengatakan banyak orang dalam negeri itu kena tangkap—hanyalah negeri Kelantan sahaja, ini pun merunsingkan hati saya juga. Tetapi sa-lagi ada orang jahat sa-lagi itu-lah saya mesti menolong Kerajaan Kelantan menangkap orang² itu (Tepok), supaya negeri itu aman. Orang² yang di-sebut kena tangkap itu ia-lah di-tangkap di-bawah kuat-kuasa menchegeh jenayah. Sa-belum tangkapan² itu di-jalankan ka-atas mereka itu, kes² mereka itu telah pun di-kemukakan kepada Penasehat Undang² Negeri Kelantan yang berpendapat bahawa ada bukti² yang menchukupi untuk tangkapan² itu di-jalankan di-bawah kuat-kuasa Undang² Menchegeh Jenayah atau dalam bahasa Inggeris Prevention of Crime Ordinance. Jadi tangkapan² ka-atas mereka itu bukan-lah berkaitan atas parti Perikatan ini dengki kepada parti PAS. Chuma kita hendak pilihan raya supaya di-jalankan dengan lichen supaya jangan-lah parti PAS menggunakan mereka² itu untuk kepentingan parti-nya.

Yang Berhormat Ahli dari kawasan Bachok telah membuat satu permintaan supaya Kerajaan menambah lagi wang peruntukan untuk bangunan² rumah Polis—untuk ahli biasa anggota² Polis. Sa-tengah² rumah dan bangunan² kata-nya di-dirikan dalam tahun 1948 dan 1949 dan berkehendakkan pembaharuan dan patut-nya-lah di-ganti

dengan yang baharu. Kerajaan memang-lah sedar terhadap keinginan untuk membaharui dan menggantikan bangunan² dan rumah² yang lama itu dengan yang baharu dan dengan yang lebih elok lagi. Walau bagaimana pun perlu-lah di-ingat bahawa agak mustahil juga untuk menggantikan rumah² itu dalam jangka satu atau dua tahun. Rancangan pembinaan itu mesti-lah di-ator sa-tengkat demi sa-tengkat meliputi beberapa tahun dan mesti-lah pula sejajar dengan kemampuan kewangan dan juga kesanggupan pehak Jabatan Kerja Raya membena-nya. Bagi kawasan Bachok khas-nya wang berjumlah sa-banyak \$5,000 dalam tahun 1961 dan 1962 telah pun dibelanjakan untuk mengganti dan membaiki bangunan² dan rumah² anggota Polis dengan yang baharu. Ada-lah di-ranchangkan dalam rancangan pertama Malaysia tahun 1966 hingga tahun 1970 supaya rumah² baharu itu akan di-dirikan.

Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Hilir telah membawa soal menaik dan menurunkan bendera² di-bangunan² yang tidak di-punyai oleh Polis di-Raja Malaysia berkenaan dengan menaikkan bendera di-negeri Kelantan. Di-sini Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Hilir itu boleh-lah di-katakan penganjur yang terkemuka dalam PAS kerana dia duduk di-front bench di-sana. Jadi patut-lah dia sa-belum membuat ucapan rayuan di-sini, bermesuarat dengan Kerajaan dia sendiri di-Kelantan sana. Sebab apa, pada 4 haribulan November tahun 1963, Tuan Ketua Pegawai Polis Kelantan telah berhubung dengan pehak Kerajaan negeri Kelantan menerusi surat menyatakan bahawa oleh kerana tugas menaikkan dan menurunkan bendera itu bukan-lah tanggung-jawab Polis di-Raja kerana juga dengan bertambah-nya tugas Polis di-Raja di-lapangan lain, maka sebab itu tidak-lah lagi dijalankan oleh anggota² Polis di-Raja. Pehak Kerajaan negeri Kelantan telah menjawab surat Ketua Pegawai Polis Kelantan itu pada 30 haribulan May, 1964, menyatakan persetujuan-nya, dan pada 5 haribulan June, 1964 pehak Polis di-Raja berhenti menjalankan tugas itu. Jadi bagaimana-kah dia

merayu di-sini tetapi bagi Kerajaan-nya dia sudah bersetuju. Ini satu perkara yang pelek yang berlaku lagi dalam parti PAS ini. Telah banyak kita saksi

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi penjelasan kepada Kerajaan.

Dato' Dr Ismail: Silakan.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Sa-kira-nya Polis tidak mahu mengangkat-nya bagaimana-kah Kerajaan hendak paksa pehak Polis. Jadi terpaksa-lah pehak Kerajaan negeri menerima kemahuan Polis.

Dato' Dr Ismail: Polis chuma mengatakan kepada Kerajaan Kelantan. Kalau Kerajaan Kelantan tidak bersetuju boleh-lah merayu kepada saya, Menteri yang bertanggung-jawab, dan saya akan timbangan dengan saksama daripada permintaan Kerajaan PAS. Tetapi dengan sudah bersetuju ta' usah-lah merayu di-sini (*Tepok*). Kalau mithal-nya orang parti PAS hendak kahwin sa-orang perempuan, perempuan itu sudah kata ya dan sudah kahwin, merayu pula kepada saya ta' suka kahwin sama dia. Apa hendak buat lagi (*Ketawa*). Ini-lah yang saya hairankan. Jadi PAS ini kadang² fikiran-nya tidak tentu jadi saya pun susah hendak ambil fikiran parti PAS ini. Dari segi kemanusiaan—timbang rasa nanti rosak pula negeri ini. Di-ambil tindakan keras hilang kepala pula. Jadi saya sekarang tengah hendak berunding memikirkan bagaimana-kah kita boleh menolong parti PAS ini supaya selamat negeri ini, terima kaseh.

The Minister of Works, Posts and Telecommunications (Dato' V. T. Sambanthan): Mr Speaker, Sir, a number of questions were asked about water supplies. The Member for Trengganu wanted to know whether we could get more water supply for people living in kampong areas. Under the present Five-Year Plan, a Water Supply Development Programme, amounting to \$190 million from Federal resources, together with an estimated amount of \$50 million from State sources, is being implemented. Of the \$190 million from the Federal resources, about \$170 million are available as loans from the

Federal Government to the State Governments for the implementation of water supply projects in the States. The Programme consists of the construction of 120 rural-cum-urban water supply projects and 97 rural water supply projects. This Programme will increase the number of people served with pipe water from 2.72 million to 5.35 million people, the increase in population served with water being mainly in the rural areas.

The Member for Temerloh also wanted to know, in respect of the equipment and materials for water supply, as to where they are made and whether we buy them through the Crown Agents or otherwise. Generally, for the purchase of equipment and materials for water supply, local tenders are invited. Wherever possible, equipment and materials manufactured locally have preference over imported ones. For example, asbestos, cement pipes and steel pipes manufactured locally are used extensively except in special circumstances where imported spun iron pipes are used. Quantities of such imported pipes used are very small in comparison. In the event of any special equipment or materials required, not being manufactured locally, and where representatives for such required materials and equipment are few, then it will be advantageous to request the Crown Agents to call for tenders in order to be able to inspect materials there and to get such equipment of higher quality on a more competitive basis. Such occasions are few and far between.

The supply of water is a State subject except where it comes as loans from Federal Government. The Members for Ulu Kelantan, Dungun and Hilir Perak mentioned particular areas where they wanted water supplies to be made available. I would suggest that they approach the respective State Governments with regard to this.

The Assistant Minister of National and Rural Development and Assistant Minister of Justice (Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak memberi jawapan sadikit sahaja berkenaan dengan hal permohonan Ahli Yang Berhormat dari Bachok pagi tadi, ia-itu

meminta supaya Mahkamah² itu di-buat besar sadikit dan hendak-lah juga di-taroh pembesar suara. Akan tetapi berapa besar dia hendak, tidak-lah kita ketahui. Sekarang kita buat chukup² besar untuk di-gunakan bagi Mahkamah, tidak-lah perlu kita hendak buat macham Magistrate Court atau High Court yang harus menggunakan wang yang banyak. Fasal-nya Mahkamah ini tidak begitu banyak orang yang datang mendengar-nya, kechuali case² atau bichara "buka pusat bidan". (Ketawa). Bichara yang macham itu baharu banyak orang yang mendengar-nya.

Berhubung dengan Mahkamah itu memang tidak pernah pun di-taroh pembesar suara, jadi kalau ada kes buka pusat bidan, itu pun hendak dibelanjakan wang banyak untuk Mahkamah itu, nanti oleh sebab banyak orang datang, Mahkamah pun roboh, terima kaseh.

The Minister of Finance (Enche' Tan Siew Sin): Mr Speaker, Sir, there is very little for me to reply to, and I am obliged to my Honourable friend and colleague, the Minister of Education for his remarks on what has been called the "crash programme" in regard to the capital grants for fully assisted national-type schools. Since I was one of the Co-Chairmen of the Special Committee and the present Minister was not involved in this particular operation, I may, perhaps, give the House the genesis of this particular programme.

Early last year, it was discovered by the Disbursements Committee of the Social and Welfare Services Trust Fund that many hundreds of applications for aid from this Fund were outstanding and it was, therefore, decided by the Disbursement Committees of this particular Trust Fund, of which I was also a member, that applications from fully assisted national-type schools should be channelled to a Special Committee to be set up for this purpose. This was the genesis of this Special Committee. It was also decided to set aside special funds to enable adequate disbursements to be made in view of the fact, as I have said already, that many hundreds of applications

were outstanding and in many cases these applications had been outstanding for years.

In regard to the membership of this Committee, I think we can say that it was drawn from a very representative cross section of the community, from all communities, and I do not think even the Honourable Members of the Opposition have quarrelled with the composition of that Committee. Now, before this Special Committee considered these applications, everyone of them was processed by the Ministry of Education and, in fact, the Committee had before it the comments of the Ministry of Education before it took a decision on these applications.

Now, when a decision had been taken, these cheques were distributed around the country, I admit, by me in some cases; and the reason why these cheques were made out to the respective Chairmen of the Boards of Governors of the schools concerned, was because the grants were made on a very austere basis. I could give some instances. For example, we provided only \$3,000 for a classroom for forty pupils in the rural areas and \$6,000 for a classroom in the urban areas. Now, it will be, I think, accepted that this sort of basis is a very austere one, and hence it was felt that we would get full value for money spent if we handed these grants direct to the Boards of Managers of the schools concerned. That was the sole reason why the cheques were made out in that way, not as the Honourable Member for Ipoh suggested, to members of the Alliance rather than to the members of the Opposition Parties, but because they happened to be Chairmen of the Boards of Governors of the schools which received these grants.

I think that is all I have to say on this point and it will, therefore, be seen from what I have said that there is nothing fishy about this operation and it is not as sinister as suggested by the Honourable Member for Batu.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That pursuant to Standing Order 67c the following Motion be referred to a Committee of the whole House:

That this House resolves that an additional sum not exceeding \$32,233,679

be expended out of the Development Fund in respect of the financial year, 1964, and that to meet the purpose of the Heads and Sub-heads set out in the second column of the Statement laid on the Table as Command Paper No. 15 of 1964, there be appropriated the sums specified opposite such Heads and Sub-heads in the eighth and ninth columns thereof.

House immediately resolved itself into a Committee of the whole House.

Development (Supplementary) (No. 1) Estimates, 1964, considered in Committee.

(Mr Speaker in the Chair)

Head 100—

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub:

Mr Chairman, Sir, I beg to move that the sum of \$60,000 under Head 100, Judicial, sub-head 4—Court Houses, Kuala Trengganu and Klang—be approved.

The original estimated cost of the Kuala Trengganu Court House was \$266,238. However, the surveyor after full investigation has reported the total cost would now exceed the voted provision. The increase in cost is mainly due to the fact that as a rule preliminary estimates are normally subject to a 10 per cent plus or minus variation and also increases in architects' fees. In addition, it has also been found that no provision has been made for built-in joinery fitting in court house, for example, bench, dock, public gallery, and for loose items of furniture. To meet these extra commitments, an additional sum of \$50,000 is asked for.

The original estimated provision of \$228,000 for the Klang Court House is now fully committed. Tenders have been received by the Public Works Department. A sum of \$65,923 was expended for the acquisition of the site and the total cost tendered now amounts to \$162,077, which includes water supply, turfing of site, surface drainage, roads, car parks, fencing and gates, supervision and other contingencies. There now remains the purchase of furniture which is estimated to cost \$10,000. The House is accordingly asked to approve an additional provision of \$10,000 for this purpose.

The construction of the Klang Court Building is in progress now and would be completed by the end of this year. Thank you.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, I wish to make it quite clear once again, before we debate on these subjects, one after another, that we of the Socialist Front are not against the expenditure that has been asked for. I wish to reiterate again

The Minister of Commerce and Industry (Dr Lim Swee Aun): On a point of order. He has had his opportunity to speak and he cannot speak now on general policy, when we are in the Committee stage.

Mr Chairman: We have debated the general policy this morning.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, I merely wanted to clarify one or two things before I go on to the subject in particular. I have been misunderstood, and I wish to clarify. If the Chair rules me out of order, then I will go on to the subject proper.

Mr Chairman: It is out of order as pointed out by one of the Ministers.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, since it is the pleasure of the Government benches that I should not clarify myself, I will confine myself to this

Dr Lim Swee Aun: It is not a question of Government not permitting him to clarify. The question is that it is against Standing Orders.

Dr Tan Chee Khoon: So be it, Mr Chairman, Sir. *(Laughter)* I see, Mr Chairman, Sir, that a sum of \$10,000 is being asked for, and I am grateful that the Minister of Justice has awakened to the fact that court houses in this country, some of them, are in a disgraceful state—and Klang has fortunately been picked for renovation. Those of us who read the newspapers would have seen in the *Malayan Times*, two or three days ago, describing the disgraceful condition of the Court House in Kajang, the town where I was educated.

Dr Ng Kam Poh: It is \$60,000 and not \$10,000.

Dr Tan Chee Khoon: This is for Klang. I am talking about Klang.

Mr Chairman: In respect of Klang the sum is \$10,000.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, I do not know what I have done, or left undone, that I should be the target of so many points of order. *(Laughter)* I do not wish to delay the time of the House. I merely wish to say that apart from Klang there are many court houses throughout this country, where the many legal luminaries in this House know, are in a disgraceful state—Kajang is a case in point—and no doubt if you go to Tanjong Malim or Rawang, you will see that they are in a disgraceful state. I do hope that the Minister will look into this matter and make the Court House a more dignified place to administer and dispense justice.

Question put, and agreed to.

The sum of \$60,000 for Head 100 agreed to stand part of the Development (Supplementary) (No. 1) Estimates, 1964.

Heads 103, 155 and 181—

The Minister of Agriculture and Co-operatives (Enche' Mohamed Khir Johari): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya suka menhadangkan supaya wang peruntukan tambahan sebanyak \$1,087,951 bagi Kepala² 103, 155 dan 181 di-luluskan.

Kepala 103, Kepala Kechil 2—Pulau Pinang (i) Studio² dan Alat, \$22,000.

Wang tambahan ini di-perlukan oleh sebab bertambah-nya harga premium yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tapak tanah di-Jalan Burmah di-mana Jabatan Radio telah mendirikan Studio² bahu-ru-nya.

Kepala 103, Kepala Kechil 21—Perkhidmatan Seberang Laut/Malaysia, \$400,000.

Peruntukan tambahan ini ia-lah untuk membayar harga tanah yang tinggi harga-nya sekarang dan untuk kerja² merata-nya. Juga dari peruntukan ini akan di-bena satu aerial lagi untuk di-pasang menghala ka-negeri² Timor Jauh dan Tenggara

Asia serta bayaran² kapada Lembaga Letrik Pusat, Talikom dan Jabatan Kerja Raya, kerana kemudahan² yang di-beri oleh mereka.

Kepala 155, Kepala Kechil 5—Jalan masuk ka-Kamburongoh, \$195,000.

Peruntokan ini di-kehendaki oleh Jabatan Radio dan Penerangan Sabah dengan segera-nya kerana membuat jalan masuk ka-satu tempat yang berhampiran dengan steshen letrik yang sekarang di-bena di-Kamburongoh. Jalan ini juga akan membolehkan lalu lintas pergi ka-Steshen Pemancar di-Liang Liang ia-itu satu tempat di-lereng gunung Kinabalu.

Kepala 181, Kepala Kechil 1—Alat² Pemancar Gelombang Pendek Bahru, \$470,951.

Peruntokan tambahan ini di-perlukan dengan sa-bberapa segera-nya untuk menyiapkan Steshen Pemancar Stapok Kuching. Dari peruntokan itu \$172,000 ada-lah untuk bangunan dan baki-nya untuk membuat pagar keselamatan dan lampu; jalan raya; rumah² pekerja²; satu aerial gelombang sederhana dan juga alat² simpanan. Keperluan ini telah dengan tidak di-sengajai tertinggal apabila anggaran pembangunan di-sediakan dahulu.

Tuan Pengerusi, saya memohon anggaran ini di-luluskan.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, Kepala 103, Kepala Kechil 2—Studios dan Alat² bagi seteshen radio Pulau Pinang. Saya ada-lah menyokong kuat di-atas perlu-nya alat² ini di-sediakan, tetapi saya suka juga menarek perhatian ia-itu ada lagi sa-buah seteshen radio di-Kota Bharu, ia-itu-lah seteshen radio untuk Pantai Timor. Sa-tahu saya sampai sekarang ini pun belum lagi ada alat² studio yang lengkap, pada hal sa-tahu saya seteshen di-Kota Bharu ia-lah sa-buah seteshen yang ada menjalankan siaran daerah (regional programme) sendiri. Maka perkara ini saya harap juga akan mendapat perhatian, dan saya juga mendengar khabar ia-itu boleh jadi pusat bagi seteshen Pantai Timor akan di-pindahkan ka-Trengganu suatu tempat yang lebih lojik, kerana

lebih pusat letak-nya. Saya juga ingin mendapat penjelasan bila-kah hal ini akan di-jalankan.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya juga menyokong di-atas tambahan peruntokan bagi seteshen radio Pulau Pinang, dan juga hendak menarek perhatian berkenaan dengan seteshen radio di-Kota Bharu itu yang akan di-gunakan untuk Pantai Timor. Saya berasa pehak Kerajaan, terutama Menteri²-nya rasa bimbang kalau di-beri peruntokan di-situ, kerana akan tertarek-lah orang² Parti PAS lari masuk dalam Perikatan, sa-bagaimana pernah berlaku, ia-itu bila di-bawa ka-India, apabila balek maka dia pun lari meninggalkan PAS. Sa-bagai satu chara sa-bagaimana salah sa-orang Menteri Yang Berhormat tadi hendak menolong PAS, saya boleh-lah memberi jaminan bahawa kemudahan itu kalau di-beri, insha Allah kami sekarang ini tidak akan lagi masuk dalam parti itu. Jadi kami menarek perhatian tentang seteshen radio di-Kota Bharu.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman (Seberang Tengah): Tuan Pengerusi, berchakap dalam Head 103. Sub-head 21—Overseas/Malaysian Services, di-dalam ruangan 6—Original Estimate tahun 1964, sa-banyak \$3,210,000 tetapi dalam ruangan 8 sekarang di-untukkan hanya \$400,000 sahaja. Saya berpendapat, Tuan Pengerusi, ia-itu negara kita sekarang ini sedang terancham dalam soal konfrantasi, maka saya rasa patut-lah di-belanjakan wang yang lebih banyak lagi daripada \$400,000 supaya dapat, bukan sahaja ra'ayat dalam Malaysia ini mendengar, tetapi negara² tetangga kita ia-itu India, Pakistan dan negara² Tenggara Asia dan juga negara² Afrika. Hendak-lah menguntukkan wang yang lebih banyak lagi mengadakan equipment yang lebih bagi tahun ini, kerana ada lagi baki sa-banyak \$937,000 yang di-untukkan pada tahun 1965 itu. Saya berpendapat elok-lah pada meshuarat yang akan datang di-untukkan sa-kurang²-nya dua kali ganda.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Pengerusi, saya berchakap berkenaan dengan Head 103—Radio

(Malaya). Saya menguchapkan satinggi² tahniah kepada Jabatan ini yang telah bekerja, tetapi dalam masa pekerjaan-nya itu mereka dapati kekurangan alat², dan ini menunjokkan bahawa Kerajaan dengan penyediaan wang bagi pemancar radio di Pulau Pinang itu akan dapat lagi tenaga² siaran itu meliputi ka-tempat² dan ka-kampong² yang kita maksudkan.

Tuan Pengerusi, bagitu juga saya menarek perhatian Menteri yang berkenaan berkenaan dengan kelemahan siaran radio di-Pantai Timor ia-itu di-Kota Bharu. Peranan yang di-ambil oleh siaran kita di-Kota Bharu amatlah besar, kita nampak sa-lama siaran radio tidak ada di-Pantai Timor, ra'ayat Pantai Timor, terutama-nya negeri Kelantan telah dapat di-sesatkan oleh mereka yang muka-nya kita tengok dalam Dewan ini. Oleh kerana itu ada-lah menjadi kewajipan Kerajaan supaya siaran kita di-Kota Bharu itu di-tambah belanja-nya. Ranchangan yang satu jam itu pun harus kita tambah supaya ra'ayat negeri Kelantan itu sedar betapa pembohong dan penipu-nya mereka sa-lama mereka menguasai negeri itu.

Jadi, Tuan Pengerusi, yang penting bagi kita bukan-lah hendak menarek dua tiga orang yang ada di-hadapan itu masok ka-pehak kita, yang penting ra'ayat yang 500,000 di-negeri Kelantan itu menggulingkan pemimpin² PAS yang pembohong kepada mereka itu (*Tepok*), dan ini semua, Tuan Pengerusi, mustahakkan kepada alat² pelancharan programme yang bertambah kepada siaran radio di-Kota Bharu. Itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Pengerusi, saya suka hendak mengambil bahagian sedikit di-bawah Head 103—Radio (Malaya). Saya suka hendak menarek pandangan Kerajaan bahawa ada-lah programme yang di-jalankan oleh Radio Malaya chawangan Kota Bharu itu penoh dengan programme yang membodek²kan Kerajaan Perikatan.

Mr Chairman: Apa perkataan itu? (*Ketawa*) Saya tidak faham!

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Mendewa²kan (*Ketawa*)

Mr Chairman: Itu boleh.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Kerajaan Perikatan. Sa-kiranya jalan kechil atau pun Balai Raya kechil telah di-dirikan di-mana² juga di-Pantai Timor, maka itu telah di-jadikan satu bahan yang besar yang mengambil sa-tengah jam yang di-laporkan dengan laporan yang bermacham²; tujuan-nya ia-lah hendak memanching undi di-Pantai Timor.

Saya, Tuan Pengerusi, walau pun bagitu programme² yang penoh yang di-isikan oleh chawangan Radio Malaysia di-Kota Bharu tetapi nampak-nya tidak berkesan sedikit pun. Ra'ayat tahu apa-kah yang berlaku atau sedang berlaku di-dalam negeri Kelantan sama ada dari segi ranchangan² dan lain² lagi tetapi nampak-nya wakil dari Hilir Perak yang dahulu mengaku diri-nya sa-bagai sa-orang penganjor dan pemimpin bagi ugama Islam dan bangsa tetapi kerana perkara² yang tertentu yang tidak usah saya sebutkan di-sini dia telah melompat daripada parti PAS.

Mr Chairman: Itu ta' usah-lah di-chakapkan.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Untuk penjelasan, Tuan Pengerusi.

Mr Chairman: Ta' payah-lah, saya sudah tahan dia berchapak dalam perkara itu.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Oleh sebab yang demikian, kita ketahu² siapa-kah yang pendusta dan siapa-kah yang pengkhianat. Terima kaseh.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Mr Chairman, Sir, I am very glad to notice that in the Supplementary Estimates a sum of \$400,000 is allotted for Overseas/Malaysian Services. However, like the Honourable Member for Seberang Tengah, I feel that this sum is inadequate because, as we all know, Malaysia is now faced with the full force of Indonesian propaganda which at the moment is directed towards the Afro/Asian countries, in order that the

Afro/Asian countries will be set against this country. I do not think that this sum of \$400,000 would be adequate to expand the Overseas Malaysian Services, so that the countries of Africa and those other countries other than Indonesia will be able to listen to the truth regarding Malaysia.

Mr Chairman, Sir, I also feel that adequate provision should be made, so that we can have broadcasters trained in languages other than English and Malay, in particular in the French language, which I believe nearly half of the new countries of Africa use as an official language. Other than that, I feel that this provision should meet with the approval of everyone. Thank you.

Enche' Geh Chong Keat (Penang Utara): Mr Chairman, Sir, I would like to speak on Head 103, sub-head 2. We from Penang are very grateful to the Minister for allotting this sum for improvements to the studios and equipment at the radio station in Penang. However, I am sure much more improvement could be effected: for example, to make the radio station at Penang a regional control area, that is, by stepping up the power and improving the programmes so as to give a wider coverage.

Perhaps a Member from the P.M.I.P. backbench welcomed the Government move and supported that Penang should have better equipment and more funds should be provided. However, the frontbench of the P.M.I.P. is worried about propaganda. Well, Sir, we from Penang can look after that. If you increase the power of the Penang radio station, I am sure that facilities could be made to relay whatever light programme from Penang to Kota Bharu and that can cover the North and East Coast areas and he can be sure that the delight of the station would be to give more light programmes and more daily happenings around the northern portion of the West Coast. Perhaps, that can convince the people on the East Coast that they must tune to Radio Malaysia. I know of one country that is afraid of Radio Malaysia—that is Indonesia

and Soekarno. However, I hope P.M.I.P. would not be so bad or so conservative as to shut the people off from Radio Malaysia.

I would like to request the Minister for this Ministry of Information and Broadcasting to improve the programmes and provide more light programmes and also to give more jobs to the local artists and improve the standard of the programmes. From this material we could later on feed the film industry, which may perhaps become another dollar spinner for Malaysia and which may perhaps grow into the fourth industry of Malaysia.

Enche' Mohamed Khir Johari: Tuan Pengerusi, saya chuba menjawab sadikit sa-banyak di-atas hujah² yang telah di-bawakan oleh Ahli Yang Berhormat terutama sa-kali Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara tadi bersangkut dengan Radio Malaysia di-Kota Bharu. Perkara ini sedang mendapat perhatian daripada Kementerian ini dan segala ikhtiar sedang dan akan di-buat untuk mem-baiki lagi siaran Radio di-pantai timor di-pusat Kota Bharu. Berkenaan dengan rancangan Radio Kuala Trengganu, perkara itu maseh di-rancang dan akan mengambil masa sadikit bagi di-selesaikan.

Menjawab Ahli Yang Berhormat dari Bachok yang juga meminta siaran di-Kota Bharu itu di-baiki lagi. Sa-bagaimana saya sebutkan tadi perkara itu sedang di-selenggarakan. Sa-benar-nya melalui rancangan yang di-jalankan di-Kota Bharu sudah banyak Ahli² PAS hendak masuk parti Perikatan tetapi kita tidak mahu terima (*Ketawa*) kerana parti Perikatan ini bukan tong sampah, kita pileh² yang baik kita masukkan dalam parti kita (*Ketawa*).

Kemudian Ahli Yang Berhormat dari Seberang Tengah telah menyebutkan bahawa peruntukan sa-banyak \$400,000 barangkali tidak cukup. Sa-benar-nya sa-banyak \$400,000 ini ia-lah akan di-belanjakan untuk menyampaikan sa-hingga habis tahun ini. Kalau boleh tentu-lah jabatan ini berkehendakkan banyak lagi wang

untuk menjalankan berbagai² rancangan bagi membaiki lagi perkhidmatan Radio di-dalam negara kita ini.

Bagitu juga Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak menyebutkan kelemahan siaran Radio di-pantai timor, sa-bagaimana saya sebutkan tadi kita akan menitek beratkan perkara ini kerana kita perchaya patut-lah kita memberi cahaya yang sa-benarnya supaya ra'ayat yang tinggal di-pantai timor dengan jalan itu dapat-lah mereka itu dapat dari alam yang gelap gelita masuk kapada zaman cherah.

